

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn, di-Upachara Merasmikan Permainan Lalu Lintas di-Brickfields, Kuala Lumpur pada 6hb. September, 1971 jam 4.20 petang - Di-Bacha oleh Dato' Sheikh Hussain bin Sheikh Mohamed, Ketua Setia Usaha, Kementerian Pelajaran

Terlebeh dahulu saya ucapkan terima kaseh kepada Jawatankuasa Permainan Lalu Lintas yang telah menjemput saya hadzir menyaksikan permainan ini dan juga merasmikannya.

Permainan Lalu Lintas anjoran Sharikat Shell ialah satu ranchangan bagi mendidik kanak2 sekolah dalam keselamatan jalan raya. Dalam mengelolakan permainan tersebut, pihak yang berkenaan sentiasa berkehendakkan kerjasama dari semua pihak termasuklah polis, pengakap, pandu puteri serta lain2 bahagian termasuklah murid2 sekolah yang turut menjayakan permainan lalu lintas ini. Saya di-fahamkan bahawa bilangan peserta pada tahun ini adalah memuaskan dan sepanjang permainan ini selama 6 hari kita akan dapat melihat murid2 menunjukkan kebolehan mereka menggunakan jalan raya dengan baik-nya. Sungguh pun begitu saya perchaya ada juga di-antara murid2 akan membuat kesilapan tetapi kesilapan inilah menjadi satu pelajaran kepada murid2 dan di-jadikan panduan apabila dewasa sama ada berjalan kaki, menonggang basikal atau motosikal atau pun memandu kereta dan sebagainya.

Saya suka menyebutkan di-sini betapa dukachitanya perasaan saya sendiri kerana berlaku-nya beberapa kemalangan dalam tahun ini yang melibatkan kereta2 sekolah, bas2 sekolah dan lain2. Ini saya perchaya dapat kita elakkan sekira-nya semua pihak yang menggunakan jalan raya tahu peratoran2 lalu lintas. Kemalangan2 ini berlaku saya perchaya di-sebabkan oleh kelalaian setengah2 pihak atau pun ada pihak2 yang terburu2 hendak menuju satu2 tempat. Pada hal mereka tidak saharus-nya berbuat demikian dan kalau semua pihak chermat termasuk juga murid2 sekolah yang berjalan kaki, maka kemungkinan aksiden berlaku sangatlah tipis.

Kanak2, walau pun sudah biasa dari usia kechil lagi menggunakan jalan raya dan lalu lintas, mereka mudah benar melupakan perkara ini. Oleh kerana itu pihak Shell telah meranchangkan permainan lalu lintas saperti yang di-adakan petang ini. Pengalaman menunjukkan bahawa pelajaran sechara teori tentang peratoran2 trafik hendaklah di-hubongkan dengan latehan praktikal sekali untok menanam rasa keselamatan jalan raya sebagai satu naluri kedua2 pihak anak2 yang maseh muda itu. Dengan lain2 perkataan permainan ini memberikan satu champoran ia itu permainan dan

penglipurlara dengan bimbingan yang betul2 berkesan kepada anak2 kita.

Pada petang ini juga saya sukalah menyeru semua pehak yang menggunakan jalan raya agar menggunakan-nya lebeh chermat dan berhati2 dan dengan itu nanti kuranglah kemalangan berlaku di-jalan2 raya kita dan kurang pula raayat negeri ini yang chedera atau mati di-sebabkan kemalangan jalan raya. Saya perchaya pehak Polis Lalu Lintas memang berusaha hendak mengurangkan kemalangan ini tetapi kalau Polis sahaja yang berusaha tentulah perkara ini mustahil di-chapai. Oleh itu, tiap2 orang yang memandu kereta, lori, bus, yang menonggang motosikal dan basikal dan juga berjalan kaki hendaklah sama2 chermat di-jalan2 raya. Kapada pemandu2 suka saya nasehatkan mereka, kalau minum minuman keras jangan memandu, dan jikalau memandu jangan minum minuman itu. Dengan menjauhkan diri dari ini semua, saya perchaya kemalangan harus tidak berlaku.

Saya mengambil peluang ini menguchapkan terima kaseh kepada Sharikat Shell Malaysia kerana menganjorkan permainan ini. Kapada pehak2 yang lain yang turut serta mengambil bahagian termasuklah ahli2 Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya, Kuala Lumpur, saya juga uchapkan terima kaseh di-atas kerjasama mereka itu.

Permainan ini di-jalankan sachara pertandingan dan kapada anak2 kita yang berjaya dalam permainan lalu lintas kali ini saya uchapkan tahniah dan kapada yang lain2 di-harap akan berusaha semoga berjaya pada tahun2 akan datang. Sunggoh pun demikian, permainan ini ialah satu pelajaran yang baik bagi anak2 kita. Dengan itu saya dengan segala suka hati merasmikan Permainan Lalu Lintas Shell petang ini.

... ..

... ..

... ..

... ..



No. Siri 59
No Penerimaan 59/80